

14 AUG 2002

Larian-Kemanusiaan

LARIAN KEMANUSIAAN RAKYAT PALESTIN DI PUTRAJAYA

KUALA LUMPUR, 14 Ogos (Bernama) -- Yayasan Belia Malaysia (YBM) akan menganjurkan Larian Kemanusiaan Rakyat Palestin bagi menunjukkan tanda simpati belia Malaysia terhadap kemelut belia, remaja dan kanak-kanak Palestin masa kini.

Acara yang dianjurkan dengan kerjasama Kementerian Belia dan Sukan, Majlis Belia Malaysia dan Perbadanan Putrajaya ini akan diadakan pada 5 Okt di Dataran Putra, Putrajaya.

"Saya berbangga dengan inisiatif dan keprihatinan yang diambil oleh Yayasan Belia Malaysia sebagai sebuah badan bukan kerajaan dalam penganjuran program kemasyarakatan sebegini," kata Menteri Belia dan Sukan Datuk Hishammuddin Tun Hussein selaku penaung larian itu pada sidang media di kementerian berkenaan di sini hari ini.

Larian berbentuk ala "mencari harta karun" ini adalah julung kali diadakan dan dijangka menarik penyertaan kira-kira 10,000 rakyat Malaysia. Ia juga akan turut disertai Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan anggota kabinetnya.

"Saya yakin langkah Yayasan Belia Malaysia dalam menghulurkan bantuan dan sokongan sangat bermakna kepada rakyat Palestin keseluruhannya," kata Hishammuddin.

YBM berharap program itu dapat menunjukkan pendirian YBM khasnya dan belia Malaysia amnya yang menolak sebarang bentuk kekerasan dalam menangani masalah kemanusiaan dan insan sejagat, katanya.

Pada masa yang sama program itu juga merupakan satu tindakan proaktif YBM mengumpulkan dana bagi membantu menangani masalah kemanusiaan rakyat Palestin melalui program Rakan Muda.

Rakyat Malaysia dialu-alukan untuk menyertai Larian Kemanusiaan Rakyat Palestin (Rakan Muda YBM 2002) dengan membuat tempahan Buku Pasport pada harga RM2 seunit/seorang peserta.

Tarikh tutup penyertaan pada 30 Sept. Untuk maklumat lanjut, sila hubungi Yayasan Belia Malaysia di talian 03-9171 8001 atau e-mail ybmrn@email.com.

-- BERNAMA

SZA AHH RON